

Hari Sukan Negara 2016

Maybank UMS meriah

CUACA pagi yang cerah di tepi pantai ODEC, UMS mengiringi sambutan Hari Sukan Negara (HSN) Maybank yang disertai oleh lebih 300 orang terdiri daripada para kakitangan Maybank dan pelajar UMS.

Program itu dilancarkan oleh Pengarah Kawasan Maybank Sabah dan WP Labuan Liew Kui Choi.

Beliau melahirkan rasa gembira dan penghargaan kepada pengurusan UMS terutama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UMS Profesor Dr Ismail Ali yang telah memberi kebenaran kepada Maybank menganjurkan program itu di ODEC, UMS, Sabtu lalu.

Beliau sempat berkongsi maklumat mengenai pengalaman dan prinsip atlet dunia, Usain Bolt, yang tidak mengenal putus asa untuk berjaya dan menjadikan rasa takut akan kekalahan sebagai landasan serta semangat untuk berjuang dan berjaya dengan

cemerlang.

“Menjadikan sukan sebagai aktiviti harian dan hidup yang seimbang dengan aktif dalam sukan akan memberi impak positif kepada kerjaya masing-masing,” katanya.

Sejurus selepas melancarkan program HSN pada pagi itu, olahragawan, olahragawati dan atlet Maybank yang pernah mengharumkan negara di peringkat dunia dan antarabangsa membuat senaman ringan sebelum acara bermula.

Barisan atlet Maybank ialah Shamry Mohd Ali, Radius Sakir, Rajunit Pangkat, Petria Ghani, Sport Sunarno dan Chua Vui Pin, yang memberi dorongan serta galakan semangat kepada pelajar UMS supaya berjaya dalam bidang akademik dan sukan demi mengharumkan nama negeri dan negara di persada dunia.

Ismail dalam ucapan ringkasnya melahirkan penghargaan di atas usaha murni Maybank dalam program itu dan program



ACARA pancing botol antara yang memeriahkan sambutan.

sebelum ini, termasuk tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Sebanyak lapan acara dipertandingkan dengan disertai tujuh pasukan yang memilih warna-warna kegemaran Malaysia seperti kuning, ungu, biru tua, biru awan, hijau, jingga dan merah.

Acara seperti tiup tepung, lari bawa telur dalam sudu, pindah getah menggunakan straw, lari dalam karung, pancing botol, isi pasir dalam botol, lari bawa belon dan caterpillar walk yang mencuit hati semua juga telah berjaya menerapkan nilai-nilai positif ke dalam diri setiap ahli pasukan seperti kerjasama, kesabaran serta strategi untuk berjaya dan menang dalam setiap acara.

Selain itu, kakitangan Maybank dan pelajar UMS disajikan dengan pertandingan di antara ketua jabatan di Pejabat Kawasan dengan para pengurus cawangan Maybank sekitar Kota Kinabalu dalam acara makan epal tergantung.

Cawangan Maybank di seluruh Sabah dan WP Labuan



PEMENANG keseluruhan, Pasukan Unggu dengan hadiah kemenangan.

juga telah mengadakan program serentak di kawasan masing-masing bagi menyahut seruan kerajaan untuk gaya

hidup sihat dalam kalangan rakyat Malaysia.

Sementara itu, Liew Kui Choi menyampaikan hadiah

utama kepada pasukan Unggu yang muncul juara keseluruhan acara sempena HSN 2016 Maybank.



KAKITANGAN Maybank dan pelajar UMS merakamkan gambar kenangan.



TIMBALAN Naib Canselor UMS, Prof Dr Ismail Ali berucap sambil disaksikan Pengarah Kawasan Maybank Sabah/ Labuan, Liew Kui Choi.